

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Covid-19: 4,684 kes baharu, 11 kematian

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sebanyak 4,684 kes baharu Covid-19 pada Sabtu dengan lima daripadanya merupakan kes import.

Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes pandemik itu di negara ini meningkat kepada 4,705, 824.

Menurut portal CovidNow, 11 kematian akibat Covid-19 turut dilaporkan termasuk satu kes melibatkan kes di luar

fasiliti hospital, 'brought-in-dead' (BID).

Ia menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat wabak itu di Malaysia bertambah kepada 36,020.

Sementara itu, kes aktif Covid-19 pula mencatat-

kan sebanyak 46,904 kes, dengan 45,264 atau 96.5 peratus daripadanya merupakan individu dikuarantin di rumah.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

Seramai 28 pesakit pula berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), manakala 1,556 pesakit Covid-19 ditempatkan di hospital.

Terdapat 56 kes ditempatkan di wad unit rawatan rapi (ICU) dengan 35 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : GAYA FOKUS



KEBANYAKAN yang masuk penjara dan pusat serenti adalah pengguna dadah daripada golongan B40. — GAMBAR HIASAN

Rawatan ketagihan perlu dijalankan di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan

Pusat serenti 'neraka' penagih

Oleh HALINA MD. NOOR
gayautusan@mediamula.com.my

PUSAT serenti dan penjara bukan tempat untuk merawat dan memulihkan masalah penagihan dadah, sebaliknya adalah 'neraka' yang memburukkan lagi

masalah ketagihan selain menghancurkan peluang untuk sembuh.

Ahli Lembaga Penasihat Kemurungan Rantau Asia Pasifik, Prof. Dr. Mohamad Hussain Habil berkata, lebih menyedihkan strategi 'zero toleransi' yang diamalkan selama ini dalam menangani masalah penagihan dadah,

kini memberi 'bahana' apabila penjara menjadi tempat penyebaran HIV/Aids dalam kalangan penghuninya.

"Rawatan ketagihan perlu dijalankan di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan (KKM) dan bukannya di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti apa yang berlaku kini. Sebenarnya

banyak rawatan terkini yang boleh diberikan kepada golongan berkenaan yang mana lebih murah dan berkesan tanpa perlu memenjarakan mereka seperti penjenayah.

"Kebanyakan yang masuk penjara dan pusat serenti adalah pengguna dadah daripada golongan B40.

Sudahlah miskin, bila masuk, siapa hendak sara hidup keluarga mereka? Apa yang menyedihkan, ada yang sudah ada kerja, mereka di tangkap di pejabat, ladang-ladang dan dimasukkan ke pusat serenti," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 22

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : GAYA FOKUS

Dari muka 21

Beliau ditemui pada forum bertajuk, 'Sejauh mana keberkesanan pengurangan risiko sebagai satu bentuk rawatan' sempena Persidangan Perkembangan Metodologi Rawatan Ketagihan (ETMA), baru-baru ini. Forum berkenaan turut disertai oleh Prof. Dr. Sharifa Ezzat Wan Puteh dan Adj. Prof. Prem Kumar Shanmugam.

Dr. Mohamad Hussain berkata, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM380 juta setahun untuk penjarakan mereka sedangkan jumlah itu boleh digunakan untuk bina universiti dan sekolah.

"Kalau nak betul-betul merawat, cara termurah adalah berasaskan komuniti. Kita cadangkan pusat serenti ditukar kepada hospital untuk merawat mereka di samping

POLISI DADAH MALAYSIA



1983

Dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bagi membasmi permintaan dan belakan dadah.



1996

Pembubaran jawatankuasa antidadah (JKD), digantikan dengan Majlis Kebangsaan.

Agensi Dadah Kebangsaan ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri.



...kerajaan memperuntukkan sebanyak RM380 juta setahun untuk penjarakan mereka sedangkan jumlah itu boleh digunakan untuk bina universiti dan sekolah."

menjalankan program komuniti. Sehingga kini, tiada pun pusat kaunseling di pusat serenti. Mana pergi peruntukan sebanyak RM380

juta?

"Kos bagi mengendalikan satu pusat serenti adalah lebih kurang RM1 juta dan rawatan pula, RM30,000 untuk

satu pesakit bagi tempoh sebulan. Ini jauh lebih mahal berbanding merawat pesakit di komuniti dengan ubat yang menelan hanya sekitar RM2,000 sehingga RM3,000 sebulan untuk seorang pesakit," katanya.

Katanya lebih membimbangkan, kini ada cadangan memasukkan golongan remaja belasan tahun yang didapati positif ujian air kencing ke pusat serenti yang pastinya akan memusnahkan masa depan mereka yang kebanyakannya

adalah orang Melayu. Ujian air kencing sepatutnya bukan kriteria menentukan seseorang itu penagih atau sebaliknya. Ia perlu disahkan oleh doktor.

Beliau antara yang terawal mencadangkan penggunaan methadone untuk merawat ketagihan dadah pada tahun 2005, berkata ketika itu tidak sampai 90 penagih di bawah pemantauannya mengalami HIV. Namun, akibat penolakan Methadone, jumlah penagih dijangkiti HIV mencecah 85,000 orang.